

Kurniaan tanda penghargaan negara

Upacara ringkas punyai sejarah

KUALA LUMPUR. K h a m i s — Pengurniaan gelaran "Tun" kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, adalah kena pada masa dan ketikanya sebagai menghargai sumbangan dan jasa beliau terhadap negara ini.

Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengakui pengurniaan tersebut adalah tanda penghargaan negara di atas kecemerlangan tugas-tugas pemimpin negara selama lebih lima tahun.

Datuk Hussein, mulai hari ini bergelar Tun Hussein dan diangugerahkan Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) dari Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara, hari ini.

Seri Paduka Baginda

da mengurniakan darjah kebesaran itu dalam satu istiadat ringkas sejurus selepas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengangkat sumpah jawatan sebagai pengganti Tun Hussein dalam satu istiadat berasingan.

Raja Permaisuri Agong, Tun Toh Puan Suhaila, Datuk Seri Dr. Mahathir, isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah hadir sama di istiadat pengurniaan darjah itu.

Turut hadir di majlis ringkas tapi bersejarah ialah para Menteri Kabinet, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar, Penglima Angkatan Tentera, Tan Sri Mohamed Ghazali, Datuk Seth dan lain-lain pegawai kanan Kerajaan.

Hanya seorang Menteri saja tidak hadir iaitu Menteri Luar

Negeri, Tengku Ahmad Rithauddeen kerana beliau berada di New York.

Selepas istiadat itu selesai, Seri Paduka Baginda kemudian mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana dilantik sebagai Perdana Menteri yang keempat.


Yang di-Pertuan Agong juga mengucapkan selamat bersara kepada Tun Hussein dan berbangga diatas kecemerlangan tugas-tugas beliau sebagai Perdana Menteri sebelum ini.

Tun Hussein dan Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menaiki kenderaan khas untuk ke Jabatan Perdana Menteri di mana upacara menyeraikan pejabat akan dilakukan.

Kakitangan Jabatan Perdana Menteri juga mengucapkan selamat berpisah dan bersara kepada Datuk Hussein di luar bangunan itu.

Sebahagian mereka terharu dan teresedu kerana terpaksa berpisah dengan Perdana Menteri yang dikasihi dan banyak menabur jasa terhadap negara tercinta.

■ **GAMBAR:** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (kanan) menganugerahkan Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) yang bergelar Tun kepada Datuk Hussein Onn di Istana Negara, Kuala Lumpur, pagi semalam. — Gambar Berita Harian.



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia